



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH			
TARIKH	:	18/6/2021	MUKA SURAT	:	22
JABATAN	:	TNB			

Warga kerja TNB sumbang RM1.28j

Kuala Lumpur: Hampir RM1.28 juta berjaya dikumpul hasil sumbangan warga kerja Tenaga Nasional Berhad (TNB) menerusi potongan gaji kepada Tabung Warga TNB Prihatin (WTP) dalam tempoh lapan hari.

Sumbangan itu bertujuan meringankan beban rakyat yang terkesan akibat pandemik COVID-19 di seluruh Semenanjung, khususnya kepada golongan berpendapatan rendah (B40).

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Baharin Din, berkata kutipan yang mula dilancarkan 9 Jun lalu, menarik lebih 11,000 warga kerjanya untuk membuat sumbangan melalui potongan gaji.

"Sumbangan melalui potongan gaji kepada Tabung WTP itu akan diagihkan kepada mereka yang memerlukan dalam tempoh terdekat ini.

"Pengurusan Tertinggi TNB

dan Presiden Kesatuan atau Yang Di Pertua Persatuan dalam man TNB bersepakat menubuhkan tabung berkenaan sebagai satu kaedah bagi warga kerja TNB bersatu mengumpul sumbangan secara ikhlas dan sukarela.

"Alhamdulillah, dalam tempoh lebih seminggu kempen ini bermula, warga kerja TNB menghulurkan sumbangan melalui potongan gaji bulanan pada Jun dan Julai," katanya dalam kenyataan, semalam.

Yakin jumlah kutipan akan terus meningkat sehingga kempen menderma ini berakhir pada 15 Julai ini, beliau memaklumkan, setiap ringgit didermakan warga kerja TNB kepada tabung berkenaan, syarikat utiliti itu akan



Baharin Din

menambah jumlah sama supaya lebih ramai mendapat manfaatnya.

"Saya sendiri dibesarkan dalam masyarakat bandar yang mencabar dan oleh itu amat memahami kesusahan masyarakat yang terjejas pendapatan dan mungkin juga kehilangan pekerjaan berikutan kegawatan ekonomi

ketika ini.

"Kesedaran ini juga saya percaya dikongsi rakan saya yang lain di TNB," katanya menambah, pengagihan Tabung WTP itu akan dibuat dalam bentuk tunai secara dalam talian dan fizikal kepada individu yang dikenal pasti, tertakluk prosedur operasi standard (SOP) Majlis Keselamatan Negara (MKN).

"Penerima dikenal pasti berdasarkan senarai golongan berpendapatan 40 peratus terendah (B40) membabitkan orang upaya upaya, mereka dalam senarai e-Kasih Jabatan Kebajikan Masyarakat dan penghuni Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) di bawah Kementerian Pembangunan Wanita dan Masyarakat.

"Penerima juga dikenal pasti daripada maklumat yang diperolehi dari pusat zakat negeri serta maklum balas warga kerja TNB," katanya.

Selain kempen Tabung WTP itu, katanya, TNB sejak awal tahun ini menghulurkan pelbagai bantuan kepada lebih 10,000 individu B40 dengan peruntukan hampir RM9.5 juta termasuk membiayai pembinaan semula dan membaiki rumah, pengagihan bekalan makanan dan keperluan asas serta wang saku.